# LEMBAGA PELABUHAN BINTULU
# BIL 2/2017

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 1.0 | (a) | Jawatan | : | **PENOLONG PEGAWAI TADBIR (TEKNOLOGI MAKLUMAT) , GRED N29** |
| | (b) | Agensi | : | Lembaga Pelabuhan Bintulu |
| | (c) | Kumpulan Perkhidmatan | : | Pelaksana |
| | (d) | Klasifikasi Perkhidmatan | : | Pentadbiran & Sokongan |
| | (e) | Bilangan Kekosongan | : | **Dua (2)** |

1.1 Jadual Gaji Minimum-Maksimum :

| **Gaji Minimum** | **Gaji Maksimum** |
|---|---|
| RM 1,493.00 | RM 5,672.00 |

1.2 Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan berikut:

(a) warganegara Malaysia;

(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

(c) (i) sijil dalam bidang teknologi maklumat atau prosesan data yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji Permulaan : RM 1,549.00); atau

(ii) sijil dalam bidang kejuruteraan komputer yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya (Gaji Permulaan : RM 1,549.00); atau

(iii) diploma dalam bidang sains komputer atau teknologi maklumat yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji Permulaan : RM 1,855.00); atau

(iv) diploma dalam bidang kejuruteraan komputer yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengnnya. (Gaji Permulaan : RM 1,929.89)

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1.3 | Syarat Kelayakan Bahasa Melayu | : | Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian (sekurang- kurangnnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya. |
| 1.4 | Penetapan Gaji Permulaan | : | Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred N29 boleh ditetapkan oleh Lembaga Pelabuhan Bintulu berasaskan kepada pengalaman kerja atau kepakaran berkaitan. |
| 1.5 | Taraf Jawatan | : | **KONTRAK (*CONTRACT OF SERVICE*)** |
| 1.6 | Tempoh Kontrak | : | **Satu (1) tahun** |
| 1.7 | Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan | : | Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa. |
| 1.8 | Skop Bidang Tugas | : | Menjalankan kerja-kerja berkaitan dengan penyenggaraan peralatan ICT dan peranti kelengkapan, aplikasi pengkomputeran, bertugas mengikut jadual tugasan dan piawai yang ditetapkan di Unit IT, memberi perkhidmatan tunggu sedia bagi majlis-majlis rasmi, menjalankan tugas lain yang diarahkan dari masa ke semasa |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| 2.0 | (a) | Jawatan | : | **PEMBANTU OPERASI (FUNGSI KESELAMATAN) , GRED N11** |
| | (b) | Agensi | : | Lembaga Pelabuhan Bintulu |
| | (c) | Kumpulan Perkhidmatan | : | Pelaksana |
| | (d) | Klasifikasi Perkhidmatan | : | Pentadbiran dan Sokongan (N) |
| | (e) | Bilangan Kekosongan | : | **Tiga (3)** |

2.1 Jadual Gaji Minimum-Maksimum :

| **Gaji Minimum** | **Gaji Maksimum** |
|---|---|
| RM 1,205.00 | RM 2,939.00 |

2.2 Syarat Lantikan : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan berikut:

(a) warganegara Malaysia;

(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

(c) (i) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan. (Gaji Permulaan : RM 1,205.00); atau

(ii) bekas anggota polis atau tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Konstabel Polis atau Prebet atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik. (Gaji Permulaan : RM 1,205.00); atau

(d) mempunyai ukuran fizikal dan pancaindera seperti berikut;

(i) tinggi sekurang-kurangnya 1.57m bagi lelaki dan 1.53m bagi wanita tanpa sepatu;
(ii) berat sekurang-kurangnya 48kg bagi lelaki dan 46kg bagi wanita;
(iii) mempunyai ukuran indeks jisim badan (BMI) diantara julat 19 hingga 26;
(iv) mempunyai ukuran dada yang biasa sekurang-kurangnya 79sm dan semasa menarik nafas 84sm (lelaki sahaja);
(v) lulus dalam ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketepatan v6/9 tanpa

menggunakan cermin mata;
(vi) pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
(vii) diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan yang berdaftar.

| | | | |
|---|---|---|---|
| 2.3 | Syarat Kelayakan Bahasa Melayu | : | Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian (sekurang- kurangnnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. |
| 2.4 | Penetapan Gaji Permulaan | : | Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred N11 boleh ditetapkan oleh Lembaga Pelabuhan Bintulu berasaskan kepada pengalaman kerja atau kepakaran berkaitan. |
| 2.5 | Taraf Jawatan | : | **KONTRAK (*CONTRACT OF SERVICE*)** |
| 2.6 | Tempoh Kontrak | : | **Satu (1) tahun** |
| 2.7 | Penaklukan Di Bawah Syarat-syarat Skim Perkhidmatan | : | Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa. |
| 2.8 | Skop Bidang Tugas | : | (a) Membuat pemantauan dan pemeriksaan di kawasan pelabuhan, kawasan perumahan, pos- pos kawalan dan kawasan bangunan Lembaga Pelabuhan Bintulu; dan<br><br>(b) Memastikan kakitangan pelabuhan, pihak operator dan orang awam mematuhi garis panduan atau tatacara keselamatan di premis pelabuhan dan perumahan pelabuhan. |

**Cara Memohon:**

a. Maklumat lanjut mengenai jawatan tersebut diatas boleh didapati dari laman web rasmi LPB http://www.bpa.gov.my

b. Permohonan hendaklah dikemukakan menggunakan Borang Permohonan Jawatan LPB yang boleh diperolehi dari Bahagian Sumber Manusia, Aras 9, Lembaga Pelabuhan Bintulu atau boleh dimuat-turun melalui laman web rasmi LPB http://www.bpa.gov.my . Penggunaan Borang Permohonan yang telah disalin semula (*photostate*) turut dibenarkan.

c. Bagi pegawai-pegawai Kerajaan, Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan hendaklah memohon melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut kehendak-kehendak P.U.(A) 1/2012, perenggan 18 dengan mengemukakan Penyata Perkhidmatan yang terkini dan Laporan Sulit termasuk LNPT untuk tempoh tiga (3) tahun berturut-turut.

d. Pemohon hendaklah mencatitkan Jawatan yang Dipohon di sebelah sudut kanan Sampul Surat.

e. Tarikh Tutup Permohonan adalah pada **09 Jun 2017, JUMAAT jam 5.00 petang.**

f. Permohonan yang tidak dilengkapi dengan gambar, salinan sijil berkaitan atau lewat diterima serta tidak mengikut peraturan yang telah ditetapkan akan ditolak. Surat-menyurat tidak akan dilayani.

g. Untuk urusan maklumbalas permohonan, pemohon hendaklah menyertakan sampul surat dan setem sendiri.

Semua permohonan hendaklah dialamatkan dan dihantar kepada:-

**Pengurus Besar**
**Lembaga Pelabuhan Bintulu**
**Aras 8, 9 dan 10, Menara Kidurong**
**Peti Surat 296**
**Jalan Tanjung Kidurong**
**97007 Bintulu**
**Sarawak, Malaysia**